

12 FEB 1996

PASUKAN PETUGAS DISYORKAN BAGI MAMBANTU MENGURANGKAN DEFISIT NEGARA

KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- Kerajaan-kerajaan negeri hari ini disyorkan supaya menubuhkan pasukan petugas khas bagi mencari jalan atau memberi cadangan untuk mengurangkan import negara dan seterusnya membantu mengurangkan defisit imbalan pembayaran negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata dengan adanya pasukan petugas berkenaan, kerajaan negeri dapat meneliti dengan secara terperinci cadangan import oleh syarikat-syarikat besar dan jabatan-jabatan kerajaan.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan Majlis Kewangan Negara Tahun 1996 di sini hari ini, Anwar yang juga menteri kewangan berkata import yang berlebihan inilah yang menyebabkan negara selalu mengalami lebihan defisit pembayaran.

"Apa yang perlu dilakukan oleh pasukan petugas ini ialah menyenaraikan barangan-barangan yang hendak diimport serta kos pembelian ... antaranya saya cadangkan barangan seperti hiasan perabot, permaidani dan juga barangan elektronik dapat dikurangkan memandangkan ianya boleh didapati di negara sendiri," kata beliau.

Beliau menjelaskan penubuhan pasukan petugas yang akan diketuai oleh menteri besar dan ketua menteri masing-masing itu adalah hasil daripada usul yang dikemukakan oleh Majlis Perdagangan Malaysia yang dipengerusi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Anwar berkata di samping dapat membantu mengurangkan defisit pembayaran negara, ianya juga dapat mengelakkan pembaziran besar-besaran.

Bagaimanapun, di celah desas-desus ahli-ahli ekonomi mengatakan defisit negara akan terus meningkat, minggu lepas Jabatan Perangkaan mengesahkan bahawa defisit bagi bulan November merosot secara mendadak berbanding bulan sebelumnya.

Mengikut perangkaan November 1995, negara mencatat defisit perdagangan RM40 juta berbanding dengan defisit RM1.6 bilion pada Oktober 1995 dan lebihan sebanyak RM31.4 juta pada November tahun sebelumnya.

Bagi tempoh Januari-November 1995, jumlah defisit adalah RM9.8 bilion lebih tinggi berbanding defisit RM1.3 billion pada Januari-November 1994.

Ditanya mengenai unjuran defisit bagi tahun 1995 iaitu Januari-Disember, kata Anwar sambil menambah, "Angka unjuran awal telah diberitahu dahulu tetapi defisit bagi bulan November adalah yang terbaik setakat ini".

"Walaupun angka defisit November telah menurun tetapi langkah-langkah serius akan terus diambil. Contohnya arahan jelas telah diberikan kepada syarikat, agensi supaya mengawasi perbelanjaan dan hanya mengimport barangan yang benar-benar perlu sahaja," kata beliau.

Antara langkah yang akan diambil ialah mengurangkan pemergian pelajar ke luar negeri dengan menempatkan mereka di institusi-institusi tempatan yang sedia ada.

"Langkah-langkah berkenaan sememangnya memberi kesan tetapi kita tidak perlu cemas semata-mata untuk membasmi perbelanjaan sepenuhnya kerana ia akan menimbulkan pelbagai implikasi lain. Bagaimanapun, jika angka-angka yang diunjurkan itu tidak membimbangkan, kita tidak seharusnya panik," kata beliau.

Anwar menambah kata bahawa apa yang diperlukan oleh negara ialah keyakinan dalam membuat sesuatu. -- BERNAMA

AA SIA

